

BAB TIGA: KAJIAN LITERATUR

3.0 Pengenalan

Sistem bunyi bahasa Arab merupakan tonggak kepada pembinaan katanya. Walaupun demikian, ilmu fonetik di dalam bahasa Arab menjadi ilmu yang dikemudiankan. Kenapa ilmu ini tidak diletakkan di persada pengajian ilmu nahu dan ilmu sarf?

Pengkajian fonetik merupakan permulaan kepada pengajian ilmu sarf. Ilmu sarf dan ilmu fonetik bermula di bawah satu bumbung. Sarjana Arab sependapat bahawa kajian tentang bunyi bahasa Arab ini dimulakan oleh al-Khali:l bin Ah}mad al-Fara:hi:diy. Beliau telah mengkaji jenis-jenis kata, pembinaan kata dan seterusnya mengarang satu kamus dengan menyusunnya mengikut susunan tempat artikulasi huruf. Di samping itu juga, beliau telah menjelaskan kata-kata yang digunakan serta kata-kata yang tidak pernah digunakan.

Menurut al-Khali:l: *“Aku tidak memulakannya dengan hamzah kerana hamzah mempunyai banyak kekurangan. Kadang-kadang diubah. Kadang-kadang dihapuskan. Aku juga tidak memulakan dengan alif kerana alif tidak pernah berada di permulaan kata. Alif tidak pernah berada di depan kata nama dan kata kerja. Kalau ada pun, alif itu hanyalah sebagai tambahan ataupun gantian kepada huruf lain. Juga dengan huruf ha kerana ha huruf yang berangin, ringan dan tidak bersuara. Lalu aku*

turun ke ruang yang lain. Di situ terdapat huruf[°]ain dan juga h}a. Namun[°]ain lebih jelas disebut. Lalu aku mulakan dengannya supaya karanganku ini menjadi lebih baik” (al-Khali:l, 1981).

Di sini dapat kita perhatikan bahawa permulaan kepada ilmu bahasa ini adalah kajian tentang bunyi dan tempat-tempat artikulasi serta sifat-sifatnya.

Selepas al-Khali:l, usaha pengukuhan terhadap bidang fonetik ini dikembangkan oleh Sibawaeh di mana beliau telah menerangkan tentang fungsi pita suara, bunyi bersuara dan bunyi yang tidak bersuara, suara keras dan suara lembut berdasarkan pemerhatiannya kepada sebutan orang-orang yang sezaman dengannya.

Sarjana yang dianggap menonjol di dalam kajian fonetik ini adalah Ibnu Jinniy. Beliau telah mengarang sebuah buku khas tentang fonetik iaitu buku “*Sirr Sina:°at al-}ra:b*”. Di dalam buku tersebut beliau telah mengumpamakan anggota pertuturan seperti serunai dan juga tali gambus. Beliau juga telah menjelaskan lagi istilah bunyi bersuara dan bunyi tidak bersuara dan tempat-tempat artikulasi.

Pada masa kini para pengkaji di dalam bidang ini masih meneruskan usaha untuk menerangkan lagi ilmu ini dan memajukannya. Di antara mereka ialah Ibra:hi:m Ani:s (*al-As}wa:t al-Lughawiyyah*), Tama:m Hassan (*Mana:hij al-Bahth fi al-Lughah*), °Abd al-Qa:dir °Abd al-Ja:lil (*°Ilmu al-Sarf al-Sawtiy*) dan lain-lain lagi.

3.1 Huruf dan Simbol

Huruf adalah simbol kepada bunyi. Misalnya huruf /b/ adalah merupakan simbol kepada bunyi yang dihasilkan oleh dua bibir. Begitu juga dengan huruf-huruf yang lain. Terdapat juga bunyi yang tidak disimbolkan dengan huruf. Ahli-ahli muzik contohnya menggunakan kod-kod tertentu untuk melambangkan bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat muzik mereka. Semua bahasa di dunia ini bermula dengan asas bunyi yang disimbolkan dengan simbol-simbol tertentu. Seseengah bunyi bunyi terdapat di dalam semua bahasa. Tetapi simbolnya berbeza. Contohnya huruf /b/ yang terdapat di dalam bahasa Melayu disimbolkan dengan huruf /ب/ di dalam bahasa Arab. Bunyi kedua-dua bunyi ini adalah sama walaupun simbolnya berbeza.

Simbol juga tidak hanya melambangkan satu bunyi sahaja. Terdapat simbol yang melambangkan kombinasi bunyi atau perkataan. Di dalam bidang matematik dan sains misalnya, satu simbol boleh memberi maksud tertentu seperti simbol +, -, x dan . Begitu juga dengan simbol-simbol % dan RM.

Huruf di dalam bahasa Arab bermaksud sempadan, hujung, penjuru, pemisah. Justeru huruf ialah sempadan atau pemisah di antara sesuatu bunyi dengan bunyi yang lain (Ibnu Jinniy, 1954: 1:16).

Di dalam *al-Tafsi:r al-Kabi:r*, al-Fakhr al-Ra:ziy (TT: 1:29) berkata huruf adalah permulaan dan kesudahan sesuatu bunyi. Manakala al-Khafa:ji di dalam buku *Sirr al-Fasa:hat* (TT, 23) pula berpendapat huruf adalah sempadan sesuatu bunyi.

Justeru, menurut kebanyakan mereka huruf adalah sempadan depan dan belakang sesuatu bunyi. Di dalam kata lain, huruf adalah perlambangan atau simbol sesuatu bunyi. Perbezaan sesuatu bunyi akan merubah simbol sesuatu huruf.

Walaupun demikian, menurut Sibawayh, terdapat perbezaan di antara simbol dan bunyi. Ini bermaksud simbol dan bunyi adalah dua perkara berbeza. Menurutnya di dalam bahasa Arab terdapat 29 huruf, tetapi bunyi bahasa Arab mencapai bilangan 42 bunyi (Sibawayh, 1966: 432). Ini bermaksud satu simbol boleh melambangkan dua atau tiga bunyi. Terdapat juga dua atau tiga bunyi berkongsi satu simbol.

Terdapat bunyi konsonan yang diwakili oleh lebih dari satu huruf. Contohnya dalam bahasa Inggeris dalam perkataan seperti 'wh' pada perkataan *what*, *which* dan *who*. Manakala di dalam bahasa Melayu pula, kita mendapati konsonan gabungan /ng/ dan /ny/ seperti 'pulang' dan 'nyanyi' di mana /ng/ ialah satu bunyi yang dilambangkan dengan dua konsonan /n/ dan /g/ manakala /ny/ pula adalah gabungan /n/ dan /y/.

Di dalam menyebut bunyi-bunyi ini, kanak-kanak akan mendengar bunyi ini dahulu sedangkan simbolnya belum dikenali. Kanak-kanak akan meniru bunyi yang

didengar oleh orang-orang yang dekat dengannya. Asas kepada fonetik adalah bunyi dan bukannya simbol. Simbol hanyalah alat untuk menggambarkan bunyi tersebut.

3.2 Perkembangan Bahasa Kanak-kanak

Menurut ^oAbd al-Rahma:n ^oAdas dan Mahy al-Di:n Tu:q (1995) terdapat 4 peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Peringkat-peringkat itu ialah:

- 1) Peringkat bunyi yang kurang jelas
- 2) Peringkat perkataan tunggal
- 3) Peringkat ayat primitif
- 4) Peringkat ayat gabungan

Pada peringkat pertama, kanak-kanak akan mengeluarkan bunyi-bunyi yang kurang jelas. Bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh kanak-kanak biasanya bermula dengan bunyi /t/-/ت/, /b/-/ب/, /n/-/ن/ dan /m/-/م/. Huruf-huruf ini adalah huruf bibir dan huruf permulaan lidah. Begitu juga dengan huruf-huruf vokal yang biasanya boleh disebut oleh kanak-kanak biasa yang tidak mempunyai masalah alat pertuturan. Justeru, terdapat persamaan yang jelas di dalam semua bahasa di dunia di mana terdapat persamaan perkataan baba- بابا, mama-ماما.

Bagi kanak-kanak Inggeris, mereka akan menyebut perkataan *tut* sebelum boleh menyebut perkataan *cut*. Kanak-kanak Melayu pula lebih senang menyebut perkataan *tata* bagi melambangkan selamat jalan. Huruf-huruf yang keluar di belakang lidah seperti huruf /j/-/ج/ sukar disebut oleh kanak-kanak.

Pada peringkat kedua, kanak-kanak akan menyebut satu perkataan tunggal bagi melambangkan satu rangkaian kata. Sekiranya perkataan itu panjang, perkataan itu juga diringkaskan dengan menggugurkan morfem-morfem tertentu. Misalnya perkataan h}ali:b حَلِيْبٌ diringkaskan menjadi h}i:b حَيْبٌ sahaja. Walaupun perkataan tertentu membawa makna yang sama kepada orang dewasa dan kanak-kanak, tetapi maksud yang sebenarnya mungkin berbeza di antara kanak-kanak dengan orang dewasa. Bagi kanak-kanak Melayu, perkataan kucing boleh membawa maksud haiwan peliharaan yang menjadi haiwan kesayangannya. Sekiranya kanak-kanak itu dibawa ke kawasan penempatan masyarakat yang lebih majmuk, maka perkataan kucing juga merujuk kepada anjing yang menjadi haiwan peliharaan orang-orang bukan Islam. Jadi kucing bagi kanak-kanak adalah haiwan peliharaan. Begitu juga dengan rangkaian kata makan nasi. Perkataan makan sentiasa diiringi oleh nasi. Kanak-kanak mendengar rangkaian kata ini berulang-ulang kali dan menyebutnya dengan frekuensi yang kerap. Apabila ditanya apa yang dia makan, dia akan tetap menjawab makan nasi walaupun yang dihidang di depannya adalah mee atau roti. Fenomena ini

disebut sebagai generalisasi di mana konsep bahasa kanak-kanak masih di peringkat permulaan.

Pada peringkat ketiga, kanak-kanak akan menyusun beberapa perkataan sama ada untuk meminta sesuatu atau memberitahu sesuatu. Susunan-susunan ini biasanya tidak mengikut aturan tata bahasa bahasa yang dituturinya. Kanak-kanak akan akan menuturi 'Lari adik tadi sekolah'. Dari segi sejarah ayat tersebut, kanak-kanak ini ingin memberitahu bahawa dia menyertai sukan di sekolahnya, bukan dia lari dari sekolah. Hal ini demikian kerana rangkai kata yang digunakan oleh kanak-kanak pada peringkat permulaan bukanlah mengikut rangkai kata yang dituturi oleh orang dewasa. (Abd al-Rahman Adas dan Mahy al-Din Tuq, 1995: 214). Hal ini berbeza dengan sebutan bunyi di mana sebutan bunyi huruf adalah ditiru daripada orang dewasa. Fenomena ini disebut sebagai pengucapan telegraf di mana kanak-kanak meniru sebutan orang dewasa, tetapi dia menghapus dan menyusun semula perkataan menurut kehendaknya.

Peringkat seterusnya ialah peringkat ayat gabungan. Pada peringkat ini kanak-kanak mula menggunakan ayat tanya, penggunaan ganti diri tetapi walau bagaimana pun masih menghapuskan beberapa rangkai kata yang dianggap tidak perlu. Misalnya ayat "ayah hendak makankah?" hanya diucapkan seperti berikut "hendak makan?"

Pada peringkat ini, kanak-kanak akan memperbetulkan susunan ayatnya supaya menjadi lebih gramatis.

Menurut Nasyawa:ti (1996:172) pula, terdapat 3 peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak iaitu:

- 1) Peringkat satu perkataan
- 2) Peringkat dua perkataan
- 3) Peringkat lebih daripada satu perkataan.

Beliau berpendapat bahawa peringkat bunyi yang kurang jelas bukanlah termasuk di dalam peringkat perkembangan bahasa kanak-kanak. Peringkat ini disifatkannya sebagai peringkat pra bahasa.

Bagi Al-Ghari:r, Abu As^cad dan Al-Nuwaysat̄ (2009: 16), terdapat tiga peringkat di dalam peringkat pra bahasa.

- 1) Peringkat Tangisan: Perkembangan bahasa kanak-kanak bermula dengan tangisan. Kanak-kanak yang menangis adalah kanak-kanak yang mampu untuk bertutur. Proses tangisan ialah proses di mana anggota pertuturan menerima masuk udara buat pertama kali menerusi saluran pernafasan lalu mengoperasikan anggota pertuturan. Udara yang menolak masuk akan sampai ke paru-paru dan seterusnya dihembus keluar lalu menyebabkan terhasilnya tangisan.

- 2) Peringkat regekan: Peringkat regekan ini disertai dengan penghasilan bunyi yang dihasilkan oleh anggota pertuturan di bahagian depan iaitu vokal dan konsonan depan b dan m. Pada peringkat ini kanak-kanak akan mendengar bunyi yang dihasilkan oleh orang dewasa. Sekiranya bunyi itu disukainya, maka dia akan mengulang bunyi-bunyi tersebut. Peringkat ini adalah peringkat kritikal di dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak. Sekiranya pada peringkat ini dia tidak mendengar bunyi sama ada disebabkan oleh kecacatan anggota pendengaran atau sebab-sebab lain yang menghalangnya daripada mendengar bunyi pertuturan, maka perkembangan bahasanya boleh terbantut.
- 3) Peringkat peniruan: Proses peniruan bunyi oleh kanak-kanak bermula dengan kombinasi vokal dan konsonan yang tidak teratur dan kurang jelas bunyinya. Selepas beberapa ketika, bunyi ini akan menyerupai bunyi yang dituturi oleh orang dewasa. Namun demikian, peniruan itu tidak sepenuhnya dapat dilakukan kerana terdapat anggota pertuturan yang belum boleh dikawal sepenuhnya.

3.3 Masalah Pembelajaran Bahasa di Kalangan Kanak-kanak

Israaq Ramli (2004) telah melakukan kajian berkenaan pengaruh unsur fonologi Dialek Melayu Sabah dalam sebutan bahasa Arab mendapati bahawa gangguan

sebutan berlaku pada fonem yang tidak ada di dalam bahasa Melayu. Beliau mendapati bahawa apabila menyebut fonem-fonem tertentu yang khusus di dalam bahasa Arab, maka pelajar Melayu tidak dapat menyebutnya dengan betul. Sambil memberi beberapa contoh /ð/ yang ditukarkan menjadi huruf /z/. Memetik daripada Usailiyy yang mengatakan bahawa permasalahan sebutan ini tidak timbul apabila fonem-fonem yang disebut oleh pelajar bukan merupakan fonem khusus bagi bahasa Arab seperti /b/ - /ب/, /m/ - /م/, /k/ - /ك/ dan /w/ - /و/.

Mohd Nasir Abdullah (2001) yang melakukan analisis kesilapan sebutan bahasa al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah mendapati bahawa pencapaian murid sekolah menengah amat lemah di mana 40% daripada mereka tidak mengenal huruf Arab sama sekali. Peratus ini amatlah mengejutkan kerana bukan hanya melibatkan pelajar sekolah menengah harian biasa, malah juga melibatkan sebuah sekolah bertaraf sekolah Arab. Manakala pelajar sebuah maahad tahfiz adalah cemerlang.

Begitu juga dengan Abdul Rahman Mohd Hassan (1999) yang membuat kajian berkaitan dengan sebutan bahasa al-Quran di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri Terengganu mendapati bahawa murid-murid tidak fasih menyebut huruf-huruf Arab. 60% daripada mereka tidak dapat menyebut huruf-huruf Arab dengan betul.

Walaupun terdapat hipotesis yang menyebut bahawa kesalahan sebutan ini adalah disebabkan gangguan bahasa ibunda seperti mana yang disebut oleh Ussailiy di dalam Issraq (2004) di mana kesukaran menyebut fonem adalah disebabkan fonem-fonem berkaitan tidak terdapat di dalam bahasa ibunda, namun dapatan yang diperolehi oleh Mohd Nasir Abdullah (2001) menunjukkan sebaliknya.

Di dalam kajian yang dijalankan oleh Mohd Nasir, beliau mendapati bahawa pelajar Melayu telah menukarkan konsonan /ʔ/ - /ʕ/ dengan /ʕ/ - /ع/ ketika membaca al-Quran. Misalnya menyebut يَعْتَبِرُ - عَوْ - تُعْمِنُونَ - نَبِعُ - فَاعْتَبِرْهُ mengantikan sebutan sebenar iaitu يَأْتُوا - أَوْ - تُؤْمِنُونَ - نَبَأٌ - فَاتَّبِعْهُ. Sedangkan konsonan /ع/ tidak terdapat di dalam bahasa Melayu, namun pelajar dapat menyebut konsonan huruf itu dengan betul malah menggantikannya dengan konsonan yang terdapat di dalam bahasa Melayu.

Beliau juga mendapat bahawa pelajar melakukan kesilapan dengan menukarkan huruf /ع/ yang terdapat di dalam bahasa Melayu dengan konsonan khas bahasa Arab seperti شِئْنَا yang disebut شِظْنَا dan juga رَأْفَةٌ yang disebut sebagai رَقْفَةٌ sedangkan konsonan /ظ/ dan /ق/ bukanlah konsonan yang terdapat di dalam bahasa Melayu.

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Bahiyyat Haddad (2008) ke atas murid-murid Arab di sekolah swasta di Amman, beliau mengatakan bahawa terdapat beberapa masalah di kalangan murid-murid berbangsa Arab ketika mempelajari bahasa Arab. Di antaranya:

- a) Masalah ejaan: Masalah ini disebabkan oleh kekeliruan pendengaran dan sebutan murid terhadap beberapa huruf tertentu. Misalnya huruf /د/ dan /ض/.
- b) Masalah bacaan: Masalah ini adalah disebabkan oleh kekeliruan penglihatan dan sebutan dan tidak dapat membezakan di antara huruf yang bertitik dengan huruf tuna titik seperti /د/ /ذ/ , /ر/ , /ز/ /س/ , /ش/ .
- c) Masalah penulisan: Masalah ini adalah disebabkan oleh kekeliruan pendengaran dan pergerakan dan tidak dapat membezakan sebutan dengan tepat seperti صَيْدَالِيَّةٌ s }aydaliyyat سَيْضَالِيَّةٌ sayd}aliyyat , الرَّكَدُ al-Rakadu الرَّكْضُ al-Rakad}u.

Di antara sebab-sebab berlakunya masalah ini adalah kerana murid-murid ini tidak mengalami proses pendengaran dengan betul ketika tempoh prabahasa mereka. Terdapat di kalangan murid-murid ini tinggal bersama dengan pembantu rumah yang bukan berbangsa Arab dalam tempoh tersebut. Mereka mendengar sebutan bahasa Arab yang tidak tepat dalam tempoh tersebut lalu terikut-ikut dengan sebutan yang tidak tepat.

Maslu:h} dan Khati:b (2006) berpendapat bahawa masalah sebutan konsonan bahasa Arab merupakan masalah yang sering melanda murid di peringkat rendah. Mereka tidak mampu membezakan di antara huruf-huruf yang seakan-akan sama sebutannya dari segi nipis dan tebal bunyi.

Masalah ini adalah disebabkan oleh kawalan udara yang masuk ke dalam mulut. Murid-murid di dalam usia sebegini masih sukar untuk mengawal udara yang masuk ke dalam mulut untuk membunyikan konsonan tertentu. Seterusnya ketidakupayaan mengawal udara ini akan menyebabkan berlakunya pertukaran daripada satu konsonan kepada satu konsonan yang lain.

Selain daripada itu, terdapat masalah pertukaran konsonan ini disebabkan oleh pergerakan lidah. Misalnya membunyikan huruf /ص/ /s}/ yang memerlukan seseorang menebalkan lidahnya dan juga bibir dibundarkan manakala ketika membunyikan huruf /س/ /s/ lidah perlu dinipiskan dan bibir dileperkan.

Kecacatan sebutan berlaku apabila seseorang murid atau kanak-kanak tidak mampu mengeluarkan bunyi dengan betul disebabkan oleh kecacatan alat-alat artikulasi atau berlaku kecacatan pada daerah-daerah artikulasi atau ketidakmampuan sebutan. (al-Ghari:r, 2009: 105).

Kecacatan sebutan di dalam kajian fonetik moden ialah:

1) Dyslalia (*al-Ladaghah*): Dyslalia ialah menukarkan konsonan tertentu dengan konsonan yang lain. Terdapat berbagai-bagai jenis dyslalia.

a) Dyslalia ra:ʔ

i) Ra:ʔ - ya:ʔ

ii) Ra:ʔ - la:m

iii) Ra:ʔ - ghayn

b) Dyslalia si:n

i) si:n - tha

ii) si:n - syi:n

iii) si:n - kha:ʔ

c) Dyslalia ka:f - ta:ʔ (kina:fah - tina:fah)

d) Dyslalia ji:m - da:l (jamal - damal)

2) Dysarthria: Dysarthria ialah ketidakupayaan menyebut huruf-huruf dengan betul disebabkan oleh alat-alat pengucapan.

3.4 Organ-organ sebutan

Perkataan merupakan kombinasi bunyi yang dikeluarkan oleh mulut. Menurut al-Ghari:r (2009:31) terdapat empat peringkat sebelum sesuatu bunyi bahasa dapat dikeluarkan.

Peringkat pertama: Menzahirkan gambaran (simbol) di dalam pemikiran.

Peringkat kedua: Persediaan respiratori dengan memproduksi aliran angin dari hidung ke dalam paru-paru dan kemudian mengeluarkannya semula melalui mulut atau hidung.

Peringkat ketiga: Peringkat fonasi dengan memproduksi bunyi-bunyi fonem.

Peringkat keempat: Mengeluarkan bunyi percakapan (artikulasi).

Untuk mengeluarkan sesuatu bunyi, penutur perlu mempunyai persediaan mental, anggota dan psikologi. Tanpa persediaan mental, seseorang tidak dapat bertutur dengan sempurna. Tanpa persediaan anggota juga, penutur tidak dapat bertutur dengan betul.

Anggota-anggota yang terlibat membunyikan huruf dinamakan organ sebutan. Menurut Abdullah Hassan (2007:37) organ sebutan ialah organ yang terlibat di dalam proses mengeluarkan bunyi bahasa secara langsung.

- 1) Paru-paru : Paru-paru merupakan anggota yang menyedut angin. Paru-paru merupakan sumber utama angin yang dapat mengeluarkan bunyi bahasa. Tanpa paru-paru, seseorang tidak mungkin dapat menyebut sebarang bunyi.
- 2) Trakea : Trakea atau disebut juga saluran udara adalah saluran di antara larinks dan paru-paru. Udara yang keluar daripada trakea ini akan dimanipulasi oleh alat-alat di daerah artikulasi untuk menghasilkan bunyi.
- 3) Larink : Di larink ini terdapat pita suara yang merupakan organ penting di dalam penghasilan bunyi.
- 4) Pita suara : Pita suara terdiri daripada dua keping tisu nipis. Pita ini boleh terbuka dan tertutup untuk menghasilkan pelbagai jenis bunyi sama ada tinggi dan rendah. Pita suara juga boleh bergetar di mana menghasilkan bunyi yang bersuara dan boleh terbuka dan angin yang melaluinya tidak menyentuh pita suara. Bunyi yang dihasilkan dipanggil bunyi yang tidak bersuara.
- 5) Epiglotis : Epiglotis ialah tisu yang terletak di belakang lidah dan di depan pintu masuk larinks. Fungsinya ialah memelihara saluran pernafasan ketika menelan makanan supaya makana tidak terkeluar.
- 6) Farink : Farink ialah paip yang membentuk kerongkong yang menghubungkan larinks dengan bahagian atas rongga tekak, anak tekak dan hidung.

Organ-organ ini dipanggil organ pernafasan. Selain daripada organ-organ pernafasan ini, terdapat organ-organ lain yang dipanggil alat-alat artikulasi yang bukan merupakan organ pernafasan (Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar, 2006:30). Terdapat juga ahli bahasa yang menyatakan bahawa organ sebutan termasuk organ pernafasan dan alat-alat artikulasi tanpa membezakan di antara keduanya (al- Al-Ant}a:kiyy, 1971: 12). Manakala al-Ghari:r (2009:33-42) menamakan organ-organ pernafasan dan alat-alat artikulasi kesemuanya sebagai organ pernafasan.

3.5 Alat-alat Artikulasi

- 1) Bibir mulut
- 2) Gigi atas
- 3) Gigi bawah
- 4) Lidah
- 5) Lelangit lembut
- 6) Lelangit keras

Indirawati dan Mardian (2006:31) telah membahagikan alat artikulasi kepada pasif dan aktif. Alat aktif ialah alat yang sering bergerak ketika membunyikan sesuatu bunyi bahasa, manakala alat pasif pula adalah sebaliknya. Alat-alat artikulasi aktif

ialah lidah yang dianggap paling aktif oleh Abdullah Hassan (2007:37), bibir, gigi dan langit-langit lembut. Manakala alat-alat artikulasi pasif pula adalah gigi atas dan langit-langit keras.

Abdullah Hassan (2007) menambah dua lagi alat artikulasi iaitu gusi, rongga hidung dan pita suara. Beliau juga telah membahagikan di antara organ pernafasan dengan organ sebutan.

Bagi al-Ant}a:kiyy (1971), terdapat 14 organ bunyi iaitu:

- 1) paru-paru - الرئة
- 2) trakea - القصبة الهوائية
- 3) larinks - الحنجرة
- 4) pita suara - الوتران
- 5) glottis - المزمار
- 6) epiglottis - لسان المزمار
- 7) farinks - الحلق
- 8) lidah - اللسان
- 9) langit - الحنك
- 10) anak tekak - اللهاة
- 11) gigi - الأسنان
- 12) gusi - اللثة

- 13) rongga hidung – الْفَرَاغُ الْأَنْفِيُّ
- 14) bibir – الشَّفَتَانِ

3.6 Daerah Artikulasi

Daerah artikulasi ialah kawasan di mana berlaku sentuhan alat-alat artikulasi untuk menghasilkan sesuatu bunyi. Di dalam bahasa Arab, daerah artikulasi dirujuk sebagai مَخَارِجُ الْحُرُوفِ yang bermaksud tempat keluar sesuatu huruf. Tempat keluar huruf atau daerah artikulasi ini mestilah melibatkan dua alat artikulasi. Misalnya artikulasi huruf /b/ ialah kombinasi bibir atas dan bibir bawah. Begitu juga dengan /l/ di mana untuk menyebutnya memerlukan kombinasi hujung lidah dengan gusi selain daripada hembusan angin di sisi lidah.

Abd al-Sami' al-Arabi:d (2005) mengatakan bahawa daerah-daerah artikulasi ini berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain walaupun simbolnya sama. Hal ini adalah disebabkan oleh perbezaan adat, kebudayaan dan kebiasaan sesuatu masyarakat.

Selain daripada itu, para ahli linguistik juga berbeza pendapat tentang daerah-daerah artikulasi ini. Khali:l bin Ah}mad misalnya mengatakan bahawa terdapat 17 daerah artikulasi. Pendapatnya disokong oleh Makkiy bin Abu T}a:lib, Abu Qa:sim al-Had}liyy, Abu H}assan Syare:h} dan juga Ibnu Jawziyy. Sibawayh, Ibnu Jinni:yy,

Ibnu Durayd, al-Da:niyy dan al-Qurtubiyy pula berpendapat bahawa daerah artikulasi manusia adalah sebanyak 16 daerah. Manakala al-Farra:7 dan Ibnu Kissa:n mengatakan terdapat hanya 14 daerah artikulasi.

Ibnu Durayd pula memperincikan pula daerah-daerah sebutan ini berdasarkan kepada huruf. Di dalam daerah sebutan ini terdapat perbezaan kedudukan bunyi huruf. Beliau berkata: *“Di farinks terdapat tiga (daerah artikulasi). Di bawah sekali adalah tempat h}a. Kedua ˆain dan ha. Dan ketiga yang paling hampir dengan mulut iaitu ghayn dan kha. (Ibnu Durayd, TT). Beliau juga mengatakan: “Kemudian mulut. Di bawah sekali yang paling hampir dengan farinks adalah huruf qa:f dan kemudian ka:f yang terletak di atas sedikit daripadanya.”*

Di antara bahasawan tradisional dengan bahasawan moden, terdapat perbezaan dari segi menentukan tempat artikulasi di mana bahasawan tradisional berpendapat terdapat 17 tempat artikulasi manakala bahasawan moden pula telah mengurangkannya menjadi 10 tempat sahaja.

Pendapat bahasawan tradisonal ini sebenarnya telah dan masih mendasari pengajian ilmu tajwid. Di dalam buku-buku tajwid (Muh}ammad Ah}mad Maˆbad (2002), Abdul Kadir Leong (1996) dan Mahadi Dahalan (1998)) misalnya menyenaraikan 17 tempat artikulasi. Makhraj-makhraj itu adalah:

a) Rongga Kerongkong (al-Jawf).

(1) Di dalam rongga kerongkong ini terdapat tiga huruf iaitu alif, wau dan ya:ʔ.

b) Kerongkong (al-H{alq)

Kerongkong dibahagikan kepada tiga bahagian: Pangkal, tengah dan hujung.

- (2) Pangkal kerongkong: /ء/ hamzah dan /ه/ h}a
- (3) Tengah kerongkong: /ع/ °ayn dan /ح/ h}a
- (4) Hujung kerongkong: /غ/ ghayn dan /خ/ kha

c) Lidah

- (5) Pangkal lidah apabila pangkal lidah diangkat ke langit-langit lembut /ق/ qa:f.
- (6) Pangkal daun lidah terkeluar sedikit daripada daripada makhraj qa:f. Di sini adalah makhraj /ك/ ka:f.
- (7) Pertengahan daun lidah. Apabila diangkat menekan pada lelangit keras kemudian tekanan udara keluar daripadanya terjadilah tempat keluar huruf /ج/ ji:m, /ش/ syi:n dan /ي/ ya:ʔ.
- (8) Sepanjang tepi lidah yang ditekan pada geraham atas sebelah kiri dan kanan di mana merupakan makhraj /ض/ d}ad.
- (9) Tepi hujung lidah apabila diangkat ke lelangit keras menekan pada gusi depan sebelah atas yang merupakan makhraj /ل/ la:m.


- (10) Tepi hujung lidah juga apabila diangkat ke langit keras menekan gusi gigi depan sebelah atas dan langit lembut diturunkan kemudian menekan udara yang berada dalam rongga mulut dan keluar melalui hidung, maka keluar daripadanya huruf /ن/ nu:n.
- (11) Tepi hujung lidah berdekatan dengan makhraj nu:n serta melencong ke belakang tepi hujung lidah, keluar daripadanya huruf /ر/ ra:ʔ.
- (12) Hujung lidah diangkat menekan gusi gigi gunting atas adalah makhraj huruf /ط/ t}a:ʔ , /د/ da:l dan /ت/ ta:ʔ.
- (13) Hujung lidah yang ditekankan pada belakang gigi gunting bawah di antara bahagian depan lidah dan langit keras adalah makhraj huruf /ص/ s}a:d, /س/ si:n dan /ز/ zay.
- (14) Hujung lidah yang dikeluarkan terletak di antara hujung gigi gunting atas dan hujung gigi gunting bawah merupakan makhraj bagi huruf /ظ/ z}a:ʔ, /ذ/ dha:l dan /ث/ tha:ʔ.

d) Bibir Mulut

- (15) Bibir mulut dalam sebelah bawah diangkat mengenai gigi gunting atas adalah makhraj huruf /ف/ fa:ʔ.
- (16) Dua bibir mulut apabila dibulatkan menghasilkan huruf /و/ waw, apabila dirapatkan menghasilkan huruf /ب/ ba:ʔ dan /م/ mi:m.

e) Hidung

(17) Pangkal hidung apabila tepi hujung lidah diangkat ke langit keras menekan gusi gigi hadapan sebelah atas menjadi sekatan udara. Ini adalah merupakan makhraj huruf /ن/ nu:n



Rajah 1: 17 Tempat Artikulasi Huruf-huruf Arab (Muh}ammad Ah}mad Ma^cbad, 2002)

Bagi Ramad}a:n ^cAbd al-Tawwa:b (1982: 19) hanya terdapat 10 daerah artikulasi sahaja dengan mengkesampingkan beberapa daerah artikulasi kerana kedudukannya yang amat berhampiran di antara satu dengan yang lain.

Daerah-daerah artikulasi tersebut adalah:

1. Bibir mulut

Di dalam bahasa Arab, terdapat dua huruf bibir iaitu mi:m dan ba:?. Manakala Sibawayh berpendapat bahawa huruf waw dan ya:? juga adalah huruf bibir. Di dalam bahasa Melayu, terdapat tiga huruf bibir. Huruf-huruf itu ialah huruf /m/, /b/ dan juga /p/.

2. Bibir Gigi (Labio Dental)

Bibir gigi adalah daerah artikulasi bagi huruf fa:?. Menurut Sibawayh daerah ini adalah “dari perut bibir bawah yang ditemukan dengan gigi atas”. Di dalam bahasa Melayu, daerah ini merangkumi juga sebutan huruf /v/.

3. Gigi

Daerah ini adalah di antara hujung lidah dan gigi. Dari sini terhasilnya bunyi tha:?, dha:l dan z}a. Di dalam bahasa Melayu, tidak terdapat huruf yang terhasil di daerah ini.

4. Gusi dan gigi

Huruf-huruf yang terhasil daripada pertemuan hujung lidah dan gusi atas ini adalah huruf-huruf ta:?, t}a:?, da:l, nu:n, d}a:d, la:m, ra:?, si:n, zayy dan s}a:d.

Di daerah artikulasi ini juga, kita boleh membahagikan dua bahagian huruf di mana huruf-huruf yang dileperkan bibir mulut ketika disebut dan huruf-

huruf yang perlu dibundarkan bibir mulut apabila menyebutnya. Misalnya ketika menyebut huruf ta:ʔ dengan t}a:ʔ. Ketika menyebut huruf ta:ʔ bibir mulut dileperkan manakala ketika menyebut huruf t}a:ʔ bibir mulut dibundarkan. Begitu juga dengan huruf da:l , la:m , si:n dan zayy di mana bibir mulut perlu dileperkan. Tetapi apabila menyebut huruf-huruf nu:n , d}ad , ra:ʔ dan s}a:d bibir mulut perlu dibundarkan.

5. Palato-Alveolar

Hasil pertemuan tengah lidah dan sempadan gusi atas akan menghasilkan bunyi huruf ji:m , syi:n da ya:ʔ. Al-Khali:l (1967) menamakan huruf-huruf ini sebagai al-Syajariyyah manakala Sami:r Syari:f (2003) menamakannya sebagai al-Gha:r.

6. Lelangit tengah (Velar)

Terdapat hanya satu huruf yang terhasil di daerah artikulasi ini iaitu huruf ka:f. Bunyi ka:f terhasil apabila perut lidah dirapatkan dengan lelangit keras.

7. Uvular

Huruf-huruf qa:f , kha:ʔ dan ghayn adalah tiga huruf yang terhasil di daerah ini. Kedudukan daerah velar dan uvular yang amat hampir menyebabkan huruf-huruf yang keluar dari daerah ini berbunyi seakan-

akan sama. Bahkan menurut al-Khali:l (1967) ka:f dan qa:f adalah huruf uvular kerana permulaannya adalah di uvular.

8. Farinks

Terdapat dua huruf farinks iaitu huruf h}a:ʔ dan juga huruf ^cayn. Kedua-dua huruf ini tidak terdapat di dalam bahasa Melayu.

9. Glottal


Huruf hamzaʔ /ʔ/ dan ha adalah dua huruf yang dihasilkan oleh daerah ini.

Terdapat perbezaan yang sungguh nyata di antara makhraj huruf di kalangan bahasawan tradisional dan juga ilmu fonetik moden. Lidah misalnya yang disenaraikan sebagai tempat artikulasi di dalam pendapat klasik tidak dianggap sebagai tempat artikulasi di dalam ilmu fonetik moden. Bahkan lidah hanya berfungsi sebagai alat sentuhan kepada tempat artikulasi asal untuk mengeluarkan sesuatu huruf. Misalnya huruf tha:ʔ, dhal dan z}a di dalam fonetik moden adalah huruf gigi. Huruf-huruf ini dikatakan huruf gigi kerana fungsi lidah yang diletakkan di antara dua gigi ketika menuturi huruf-huruf ini.

Di dalam bahasa Melayu, hanya terdapat 6 daerah artikulasi (Raminah Sabran, 1991). Daerah-daerah tersebut ialah:

- 1) bibir (p, b, m, w)

- 2) gusi (t, d, s, r, l, n)
- 3) lelangit keras-gusi (c, j)
- 4) lelangit keras (n, y)
- 5) lelangit lembut (k, g dan ŋ)
- 6) glotal (ʔ dan h)



Rajah 2: Daerah Artikulasi Bahasa Melayu (Abdullah Hassan, 2007)

Kekurangan konsonan di antara Melayu dengan Arab telah menyebabkan ramai penyelidik melakukan kajian ketidakmampuan atau gangguan konsonan bahasa pertama dengan bahasa kedua. Issraq Ramli (2004), Azidan Abdul Jabbar (2000), Mohd Nasir Abdullah (2001) dan Abdul Rahman Hassan (2000) telah melakukan kajian untuk melihat gangguan-gangguan sebutan ini. Menurut Nik Rahimi yang dipetik dalam Issraq Ramli (2004) beliau berpendapat bahawa gangguan berlaku pada konsonan-konsonan yang tidak terdapat di dalam bahasa Melayu. Menurutnya lagi, permasalahan tidak timbul apabila konsonan-konsonan yang disebut oleh pelajar bukan merupakan konsonan khusus bagi bahasa Arab seperti huruf /b/, /m/, /k/ dan /w/.

Penyelidik bersetuju dengan pendapat-pendapat yang diutarakan dan di dalam kajian ini penyelidik ingin menambah bahawa kegagalan menyebut konsonan-konsonan tertentu bukanlah disebabkan oleh gangguan bahasa pertama sahaja. Kadang-kala konsonan-konsonan yang terdapat di dalam bahasa pertama pun tidak dapat disebut dengan betul oleh murid-murid walaupun konsonan tersebut wujud. Konsonan-konsonan tersebut biasanya ditukarkan kepada konsonan lain. Terdapat juga konsonan-konsonan yang hanya terdapat di dalam bahasa kedua di mana murid dapat menyebutnya dengan betul bahkan konsonan asli yang sepatutnya terdapat di

dalam bahasa pertama pun turut ditukarkan kepada konsonan yang tidak terdapat di dalam bahasa pertama. (Lihat Nasir, 2001).

3.7 Perubahan-perubahan bunyi fonem

Di dalam kajian bahasa, perubahan-perubahan bunyi fonem merupakan realiti yang berlaku pada setiap bahasa.

Di dalam al-Quran perubahan yang berlaku melibatkan hukum al-Iqla:b yang bermaksud menukarkan sesuatu kepada sesuatu. Penukaran ini bermaksud menukarkan konsonan nu:n kepada mi:m. Apabila nu:n mati bertemu dengan huruf ba:ʔ maka huruf nu:n tersebut hendaklah ditukarkan kepada huruf mi:m. Misalnya perkataan **مِنْ بَعْدِ** yang sepatutnya berbunyi *min ba^ʕdi* akan berubah menjadi *mim ba^ʕdi*. Huruf nu:n mati tersebut telah melalui proses transformasi kepada huruf mi:m.

Begitu juga dengan hukum ikhfa:ʾ di mana huruf nu:n akan melalui pelbagai transformasi suara. Misalnya perkataan **وَلَكِنْ كَانُوا** yang asalnya berbunyi *wala:kin ka:nu* telah berubah menjadi *wala:kinj ka:nu*. Dan juga nu:n yang mati apabila bertemu dengan qa:f yang juga bertukar menjadi ʔ. Misalnya **مِنْ قَبْلِكُمْ** yang pada asalnya berbunyi *min qablikum* telah bertukar menjadi *minj qablikum*.

Perubahan juga berlaku pada huruf la:m sekiranya bertemu dengan huruf ra:?. Perkataan **اَزْحَمَهُمَا رَبُّ وَقُلْ** yang pada asalnya disebut *waqul rabbirhamhuma* akan disebut sebagai *waqur rabbirhamhuma* dengan menukarkan huruf la:m kepada huruf ra:?.

Boleh terjadi juga transformasi huruf ba:ʔ kepada huruf mi:m di mana keduanya merupakan huruf bibir (labio). Misalnya di dalam al-Quran **اِرْكَبْ مَعَنَا** yang asalnya berbunyi *irkab ma'ana* yang ditransformasikan menjadi *irkam ma'ana*.

Transformasi fonem juga berlaku daripada huruf nun kepada huruf lam. Perkataan **فَاِنْ لَمْ** yang pada asalnya berbunyi *fain lam* telah bertukar menjadi *fail lam*.

Transformasi nun kepada ra:ʔ terjadi apabila berlaku pertemuan di antara dua huruf ini seperti di dalam ayat **مِنْ رَبِّكَ** yang pada asalnya berbunyi *min rabbik* kepada *mir rabbik*.

Fonem da:l akan bertukar menjadi ta:ʔ apabila bertemu dengan huruf ta:ʔ seperti di dalam perkataan **قَدْ تَبَيَّنَ** yang berubah daripada *qad tabayyana* kepada *qat tabayyana*.

Perubahan-perubahan ini disebut oleh Mohd Zaki Abdul Rahman sebagai proses asimilasi bahasa. (Mohd Zaki Abdul Rahman, Jurnal Teknologi, Jun 2007).

Selain daripada di dalam ilmu tajwid, proses perubahan juga berlaku di dalam ilmu saraf. Huruf ta:ʔ pada kata kerja kini akan segera bertukar kepada huruf t}a apabila bertemu dengan kata kerja yang bermula dengan huruf t}a juga misalnya تَطْمِئُ yang disebut sebagai طُمْئِرٌ , تَطْمِئٌ , - طَطْمِئٌ dan lain-lain lagi.

Menurut Mohd Zaki lagi perubahan-perubahan yang berlaku ini melibatkan kata-kata kerja yang bermula dengan huruf da:l, dha:l, zay, s}a:d, t}a:ʔ dan z}a:ʔ.

Contoh-contoh perubahan adalah seperti di dalam jadual berikut:

Hasil	Kata Kerja dengan pola	Kata Kerja Asal	Huruf
ا ف ت ع ل			
إِدْعَى	ا د ت ع ا	دَعَا	د
إِدْكُرْ	ا ذ ت ك ر	ذَكَرَ	ذ
إِزْدَادَ	ا ز ت ا د	زَادَ	ز
إِطَّلَعَ	ا ط ت ل ع	طَلَعَ	ط
إِظْلَمَ	ا ظ ت ل م	ظَلَّمَ	ظ

Jadual 1: Asmilasi Kata Kerja Bahasa Arab Dengan Pola افتعل

Kita akan berjumpa dengan berbagai-bagai lagi kepelbagaian sebutan fonem sekiranya melihat bahasa Arab sebagai bahasa perbualan. Walaupun sebutan ini boleh

dikatakan mewakili sebutan yang tidak fushah, bahasa kolokial atau bahasa pasar, namun penyelidik rasa harus dimasukkan sebagai satu bukti bahawa sesuatu huruf itu boleh dituturkan di dalam berbagai-bagai variasi tidak terhad kepada bunyi tertentu sahaja.

3.8 Variasi Fonem Arab

a) Fonem Hamzat

Huruf hamzat huruf hentian glotis. Misalnya ھ disebut sebagai la ataupun laʔ pada sesetengah keadaan. Kedua-dua sebutan tersebut adalah betul. Di dalam beberapa dialek tertentu, huruf hamzah digantikan dengan huruf ʿain misalnya سَأَلَ saʿala yang disebut سَعَلَ saʿala. Sebutan ini bukan merupakan suatu kesilapan. Tetapi ini merupakan sebutan Bani Tamim seperti mana yang disebut oleh seorang penyair (Ahmad bin Faris, 1996: 53) :

أَعْنُ تَرَسَمْتُ مِنْ حَرْفَاءَ مَنْزِلَةً # مَاءُ الصَّبَابَةِ مِنْ عَيْنَيْكَ مَسْجُومٌ

أَعْنُ adalah أُنَّ yang bermaksud ‘adakah’.

Ibnu Sikkit (1978: 84) menyebutkan beberapa perkataan di mana hamzah disebut sebagai ʿain. Di antaranya ialah اسْتَأْذَيْتُ - اسْتَعْدَيْتُ , اَنْ - عِنْ , الَاسْنُ - الَعَسْرُ .

Kaum T}ayy pula menggantikan hamzah dengan ha هُنْ — اِنْ . (Ramadan °Abd al-Tawwa:b, 1982).

Hamzaṭ juga bertukar di dalam beberapa dialek bahasa Arab kepada huruf fa:ʔ dan juga huruf ya:ʔ. Pertukaran ini berlaku apabila huruf hamzaṭ ini berada di depan perkataan. Misalnya *ayna* bertukar menjadi *wen* atau *fen*, اَدَّى *adda* disebut sebagai *wadda*.

Kesukaran menyebut huruf hamzaṭ yang makhrajnya di dalam rongga kerongkong menyebabkan para penutur bahasa menukarkan huruf hamzaṭ dengan huruf waw atau fa:ʔ di mana makhraj kedua-kedua huruf ini lebih mudah disebut. Justeru, beberapa kabilah Arab bukan sahaja tidak menyebut huruf hamzaṭ bahkan terdapat beberapa kabilah Arab yang mengubah posisinya kepada rongga hadapan mulut yang diistilahkan sebagai *ima:lah*.

Huruf hamzaṭ juga disifatkan oleh Ibra:hi:m Ani:s (1981: 28) sebagai huruf yang paling sukar disebut seolah-olah kerongkong merasa tercekik ketika menyebutnya. Disebabkan kesukaran tersebut, maka Makkiy bin Abu T}a:lib (1984: 133) berpendapat bahawa huruf hamzah boleh dipermudah, digantikan bahkan dihapuskan terus dari sebutan.

b) Fonem tha:ʔ

Di dalam kelompok bahasa Semitik, *ji:m* mempunyai kepelbagaian bunyi. Perkataan unta (*jamal*) di dalam bahasa Aram disebut sebagai 'gamla'. Begitu juga di dalam bahasa Habsyah yang disebut sebagai *gamal* (Ramad}an °Abd al-Tawwa:b, 1973: 19). Sebutan huruf *ji:m* sebagai /g/ sehingga kini merupakan sebutan penduduk Mesir. Sebutan *ji:m* sebagai /g/ bukan sahaja dituturi oleh penduduk Mesir bahkan penduduk-penduduk di Oman dan Yaman juga menggantikan huruf *ji:m* dengan huruf /g/.

Sibawaeh (1966, 4:433) mengatakan bahawa makhraj huruf *ji:m* dan *ya:ʔ* adalah sama. Justeru, di beberapa daerah di negara Teluk, huruf *ji:m* digantikan dengan huruf *ya:ʔ*. Perkataan masjid misalnya disebut sebagai *masyid*, *daja:jaʔ* disebut *daya:yaʔ* (°Abdul Mu°ti Mu:sa, 1986).

Bunyi *ji:m* kadang kala dibunyikan dengan *syi:n*. Bunyi ini seakan-akan huruf bunyi /ʒ / di dalam bahasa Parsi. Misalnya perkataan *wajh* disebut sebagai *wach* (*watʃ*).

d) Fonem *dha:l* /ð/

Huruf *dha:l* di beberapa tempat di negara Arab disebut sebagai *da:l*. Perubahan ini adalah disebabkan oleh huruf *dha:l* yang sukar disebut. Menyebut huruf *dha:l* bukanlah sesuatu yang mudah. Lidah dikehendaki berada di antara gigi atas dengan gigi bawah manakala lidah itu kemudiannya ditarik ke dalam dan mulut dileperkan.

Justeru huruf dha:l lebih tuntas diganti dengan da:l yang mengkehendaki hujung lidah diletakkan di sempadan gusi dan gigi. Dengan sedikit hembusan angin sudah terhasil huruf da:l tanpa perlu merubah bentuk bibir. Seringkali kita mendengar Arab menyebut di:b yang asalnya dhi:b, dah yang asalnya ha:dha.

Dha:l juga disebut sebagai zayy. Perkataan-perkataan seperti ðanb, ðihn, ðakiyy, a^çu:ðubilla:h disebut sebagai zanb, zihn, zakiyy dan a^çu:zubillah. Abu Tayyib (1960, 1:357) menyebutkan beberapa perkataan yang berubah fonem daripada /ð/ kepada /z/ ketika disebut. Perkataan-perkataan tersebut ialah ðaraqa, ðabara dan buðu:r. Pertukaran-pertukaran fonem ini masih boleh difahami oleh penutur asli bahasa Arab tanpa merubah maknanya.

Terdapat juga di mana berlaku perubahan makna sekiranya berlaku perubahan daripada /ð/ kepada /z/. Misalnya di antara ðull (hina) dengan zull (menyimpang), a^çu:ðu (aku berlindung) dengan a^çu:zu (aku amat memerlukan).

e) Fonem si:n

Di dalam beberapa perkataan huruf si:n disebut sebagai zayy. Misalnya perkataan usbu:^ç disebut uzbu:^ç. Si:n dan zayy kedua-duanya merupakan huruf gusi. Khali:l dan Sibawaeh mengatakan bahawa kedua-dua huruf ini adalah berasal daripada makhraj

yang sama. Sifat kedua-duanya pula adalah frikatif. Menurut Ibnu Jazri, huruf-huruf frikatif boleh digantikan di antara satu sama lain.

Si:n juga kadangkala dibunyikan sebagai s}a:d. Di dalam al-Quran, perkataan s}ira:t boleh disebut sebagai sira:t. Menurut Ibnu Durayd di dalam *Jumharat al-Lughat* (TT, 1:9), s}ira:t dan sira:t tidak berbeza makna. Begitu juga dengan beberapa perkataan lain seperti saqr, sinja:t dan suwayq.

f) Fonem s}a:d

Seperti mana yang disebutkan di atas, si:n dan s}a:d adalah berasal daripada mahkraj yang sama. Kedua-duanya juga merupakan huruf frikatif. Menurut Ibnu Durayd sekiranya huruf s}a:d bertemu dengan huruf da:l sedangkan huruf s}ad itu berbaris mati, maka huruf s}a:d akan disebut sebagai zayy. Misalnya perkataan yas}duqu akan disebut menjadi yazduqu dan yas}duru pula disebut sebagai yazduru.

Perubahan s}a:d kepada si:n boleh menyebabkan pertukaran maksud misalnya s}a:ra (dia telah menjadi) - sa:ra (dia telah berjalan) , s}abara (dia telah bersabar) - sabara (dia telah memberitahu).

g) Fonem d}a:d

Fonem ini merupakan fonem yang paling sukar disebut hatta kepada penutur-penutur asli bahasa Arab sekalipun. Justeru, masalah ini juga dialami oleh orang-orang bukan

Arab ketika menutur dan mempelajari bahasa Arab. Ibnu Jazari berkata: Tidak ada huruf lain yang lebih sukar disebut lebih daripada huruf d}a:d. Bahasa Arab dinamakan sebagai bahasa d}a:d bukanlah kerana kelebihan huruf d}a:d tetapi menurut Ibra:hi:m Ani:s (1979: 49) ialah kerana sukarnya menyebut huruf ini oleh orang-orang Arab. Menurut Sibawaeh pula, huruf d}ad ialah huruf yang jarang digunakan di dalam bahasa Arab sendiri dan bukanlah huruf yang enak digunakan.

Disebabkan kesukaran tersebut, orang-orang Arab menukarkan fonem ini kepada fonem da:l. Pertukaran ini menurut Ibra:hi:m Ani:s (1979: 49) adalah untuk meringankan beban sebutan ketika menyebut huruf d}a:d.

Fonem d}a:d juga sering digantikan dengan fonem z}a:ʔ di beberapa daerah di negara-negara Arab khususnya di kalangan para Badawi. Ibnu Jazari berkata: Sedikit sangat orang yang dapat menyebut d}a:d dengan baik. Ada yang menukarkannya dengan z}a:ʔ, ada yang menyebutnya sebagai dha:l dan ada pula yang menyebutnya dengan zayy (Ibnu Jazari, TT:1:219). Makhraj d}a:d dan z}a:ʔ terletak berhampiran di antara satu sama lain. D}a:d adalah huruf gigi-gusi manakala z}a:ʔ adalah huruf gigi semata-mata.

h) Fonem t}a:ʔ

Huruf $t\}a:?$ kadangkala disebut dengan $ta:?$. Perkataan-perkataan $t\}ayyib$ dan $t\}a:ba$ seringkali disebut sebagai $tayyib$ dan $ta:ba$ (Abdul Mu^cti Musa, 1986).

Perubahan fonem $t\}a:?$ kepada $ta:?$ ada kalanya merubah maksud sesuatu perkataan misalnya $t\}a:ba - ta:ba$, $t\}i:n - ti:n$, $t\}arf - tarf$.

$T\}a:?$ dan $ta:?$ adalah huruf yang sama makhraj. Perbezaan kedua-duanya adalah dari segi bentuk mulut ketika menuturkannya. Ketika menyebut huruf $ta:?$ mulut dibundarkan manakala ketika menyebut huruf $t\}a:?$ mulut perlu dileperkan.

Dan $ta:?$ juga sering berubah menjadi $t\}a:?$ apabila $ta:?$ itu merupakan huruf kata kerja masa kini yang bertemu dengan huruf $t\}a:?$. Pertemuan itu seperti yang disebut oleh Ibnu Durayd sebagai menyukarkan sebutan kerana berasal daripada makhraj yang sama telah ditukarkan kepada huruf $ta:?$ untuk memudahkan sebutan. Perkataan-perkataan seperti $t\}a:ra$, $t\}a:fa$, $t\}arah\}a$ akan disebut sebagai $t\}at\}i:ru$, $t\}at\}u:fu$ dan $t\}at\}rah\}u$ sebagai transformasi bagi sebutan $tat\}i:ru$, $tat\}u:fu$ dan $tat\}rah\}u$.

i) Fonem $z\}a:?$

Fonem $z\}a:?$ disebut dengan $zayy$ oleh sebilangan orang Arab. Seperti mana yang telah disebutkan juga, huruf $z\}a:?$ juga merupakan variasi kepada huruf $d\}a:d$. Orang-

orang Mesir, Iraq dan Kuwait menyebut Alla:h yahfaz}ak sebagai Alla:h yahfad}ak (Kamal Muhammad Basy, 1980).

Seperti mana huruf gigi yang lainnya, menuturi huruf ini berkehendakkan penuturnya mengeluarkan lidah dan mengumpulkan angin di dalam rongga mulut di kiri dan kanan dan kemudian melepaskannya. Kesukaran proses ini menyebabkan para penutur bahasa menggantikan huruf ini dengan huruf lain (Ramad{an °Abd al-Tawwa:b, 1973). Di antara perkataan yang mengalami perubahan sebutan adalah:

ظل	ضل
ظاهر	ضاهر
ظلمة	ضلمة

Beberapa perkataan akan berubah makna sekiranya berlaku pertukaran bunyi di antara z}a:ʔ dengan d}a:d. Di antara perkataan-perkataan tersebut ialah: ظَنَّ (menyangka) dengan ضَنَّ (kedekut), ظَلَّ (kekal) dengan ضَلَّ (musnah), ظَهَرَ (muncul) dengan ضَهَرَ (puncak bukit).

j) Fonem °ain

°Ain adakala disebut sebagai nu:n di dalam beberapa perkataan. Perkataan seperti a{}t}a disebut dengan ant}a. Menurut Ibra:hi:m Ani:s (1973) bahasa ini dituturi

oleh kabilah Sa^cd bin Bakr dan kabilah Hudhayl, Azd dan Ans}a:r. Di dalam al-Mu^cjam al-Wasi:t} (1960), subjek ant}a diberikan maksud a^ct}a. Abd al-Mu^cti Mu:sa (1986) berkata bahawa ant}a bukanlah variasi lain bagi a^ct}a bahkan ant}a merupakan simili bagi a^cta seperti mana yang disebutkan oleh al-Mu^cjam al-Wasi:t}. Hal ini demikian kerana ahli bahasa Arab mensyaratkan bahawa pertukaran dari fonem ke fonem hendaklah melibatkan fonem-fonem yang sama tempat artikulasinya sahaja atau tempat artikulasi di antara kedua-duanya terletak berhampiran (Abu al-Tayyib, 1960). Tetapi bagi nu:n dan ^cain, tempat artikulasi kedua-duanya berjauhan. Nu:n adalah fonem gusi-lidah manakala tempat artikulasi ^cain jauh ke dalam kerongkong. Walau apa pun pendapatnya, penyelidik berpendapat kedua-dua perkataan ini boleh digunakan di dalam kurikulum bahasa Arab untuk murid-murid Melayu. Sekiranya fonem ^cain sukar dituturkan oleh mereka, sewajarnya mereka diberikan alternatif lain untuk menyebut perkataan yang sudah diterima pakai dan tersenarai sebagai perkataan yang terdapat di dalam kamus seperti ant}a tersebut.

k) Fonem ghayn

Bunyi ghayn disebut seakan-akan bunyi qa:f oleh penduduk Sudan. Mereka sering menyebut raqba menggantikan raghba, qa:lib menggantikan gha:lib. Kedua-dua

fonem ini berasal di tempat artikulasi yang sama. Pada beberapa perkataan seperti gha:lib, gha:da dan istighla:l, pertukaran huruf ghayn kepada huruf qa:f membawa maksud yang berlainan.

1) Fonem qa:f

Bagi qa:f terdapat kepelbagaian variasi sebutannya. Di sesetengah tempat di Palestin dan juga di kampung-kampung pedalamannya, mereka menutur qa:f sebagai ka:f. Mereka menyebut ka:la sebagai variasi kepada sebutan qa:la. Menurut Ramadan Abd al-Tawwa:b (1982) tempat artikulasi qa:f dan ka:f adalah sama. Cuma qa:f agak ke bawah sedikit berbanding ka:f. Menurut Ibnu Durayd yang dipetik di dalam *Jumhurat al-Lughat*, jarang benar kita akan menjumpai perkataan yang dikombinasi di antara huruf qa:f dan ka:f. Tiada perkataan di dalam bahasa Arab yang bermula dengan kombinasi morfem ka:f dan qa:f disebabkan oleh tempat artikulasinya yang berhampiran.

Para penutur di beberapa tempat pedalaman Arab di Jordan, Arab Saudi, Iraq dan juga pedalaman Mesir seperti di Aswan menuturkan qa:f sebagai /g/ (Ibra:hi:m Ani:s, 1973 dan Ramadan Abd al-Tawwa:b, 1982). Perubahan ini adalah disebabkan oleh sifat huruf qa:f yang berhembusan (al-H}ams) berbanding dengan /g/ yang nyaring (al-Jahr). Ibnu Durayd mengatakan bahawa bunyi qaf yang disebut sebagai /g/ ini adalah bunyi kombinasi di antara qa:f dengan ka:f. Bunyi ini adalah bahasa Bani

Tami:m kerana “mereka mengiringi bunyi ka:f selepas bunyi qa:f. Mereka berkata “al-Gawm” yang bermaksud “al-Qawm” (Ibnu Durayd, TT). Menyebut huruf yang mempunyai sifat hembusan adalah lebih sukar kerana memerlukan komposisi udara yang banyak di dalam paru-paru berbanding dengan /g/ yang bersifat nyaring. Justeru, kita mendapati jarang benar huruf qa:f disebut seperti mana lazimnya melainkan ditukar sama ada menjadi ka:f, /g/ ataupun hamzat.

Di bandar-bandar di Jordan, Syiria, Lubnan, Palestin dan juga di Mesir, huruf qa:f disebut dengan hamzat. Menurut Ibra:hi:m Ani:s (1981) kepelbagaian variasi qa:f ini adalah kerana kesukaran menyebut huruf qa:f. Justeru, bunyi dipelbagaikan untuk memudahkan sebutan.

Walau bagaimana pun, penyelidik mendapati penukaran huruf qa:f kepada hamzat kadang kala mendatangkan kesukaran pula. Huruf qa:f yang didahului oleh huruf [°]ain misalnya sukar disebut apabila digantikan dengan hamzat. Mengambil contoh perkataan [°]aqqa:d yang disebut oleh penduduk Kaherah sebagai [°]a[°]a:d adalah perkataan yang sukar disebut. Contoh yang kedua ialah perkataan aqa[°]u yang disebut aa[°]u. Kesukaran ini adalah disebabkan oleh pengulangan fonem yang sama tempat artikulasinya.

Qa:f disebut dengan bunyi ghayn di beberapa tempat di Sudan dan juga di Selatan Iraq. Abu Tayyib (1960) menyebut beberapa perkataan yang mana fonem qa:f dibunyikan dengan bunyi ghayn.

Perkataan Asal	Sebutannya	Maksudnya
aqlafa	aghlafa	tidak berkhatan
qamzu	ghamzu	hina
qalqal	ghalghal	melancong

Pertukaran daripada qa:f kepada /g/ tidak merubah sebarang maksud perkataan kerana /g/ bukanlah fonem asal bahasa Arab. Perubahan bunyi tanpa melibatkan perubahan makna ini disebut sebagai *free variant*. Justeru, bunyi /g/ adalah merupakan *allofon* kepada bunyi asli qa:f.

Pertukaran bunyi qa:f kepada bunyi hamzaṭ boleh merubah makna sesuatu perkataan. Misalnya:

Bunyi Asal qaf	Bunyi transformasi hamzah
qadi:m (lama)	adi:m (kulit)
qa:la (dia telah berkata)	a:la (dia telah kembali)
°a:qil (berakal)	°a:il (bapa)
qalam (pen)	alam (kesakitan)

m) Fonem ka:f

Fonem ka:f di beberapa daerah disebut seolah-olah bunyi tʃ atau gabungan ch di dalam bahasa Melayu. Bahasa ini merupakan bahasa Bani Tami:m yang dikenali di dalam linguistik Arab sebagai bahasa al-Kasykasyah. Ibnu Jinniy berkata: Di kalangan orang-orang Arab terdapat beberapa kelompok yang menukarkan ka:f ganti nama feminin kepada syi:n untuk menjelaskan ganti nama tersebut kerana baris bawah ka:f dihapuskan ketika berhenti. Untuk membezakan ganti nama feminin dengan maskulin, maka ka:f untuk feminin itu ditukarkan kepada syi:n. Mereka berkata ʿalesy, wensy, marartu besy (Ibnu Jinniy, 1954).

Penduduk Najd menuturkan ka:f sebagai ta:ʔ dan kadangkala si:n. Mereka berkata taifa ha:luka sebagai ganti kepada kaifa ha:luka. Manakala penduduk di Latkia, Syiria dan beberapa tempat di Mesir pula menuturkan huruf ka:f dengan /g/. Perkataan akbar disebut sebagai agbar (ʿAbd al-Muʿti Mu:sa, 1986). Sebutan ini disebut oleh Sibawaeh sebagai bunyi di antara ji:m dan ka:f (Sibawaeh, 1966).

/Tʃ/ dan /g/ merupakan variabel bebas bagi fonem ka:f. Justeru sebarang pertukaran daripada ka:f kepada kedua-dua bunyi tersebut tidak merubah sebarang makna.

3.9 Kepelbagaian Variasi Fonem Ketika Proses Peminjaman Daripada Arab ke Melayu

Menurut Dawu:d Salu:m (2000, 13-30) orang-orang Melayu menutur fonem-fonem Arab dengan berbagai-bagai variasi sebutan.

Huruf hamzaṭ misalnya disebut dengan /a/ seperti di dalam perkataan abad, /u/ di dalam perkataan ufuq, /e/ di dalam perkataan daerah serta /i/ di dalam insa:n.

Hamzaṭ yang merupakan hentian glotis /ʔ/ digantikan dengan /k/ seperti di dalam perkataan Israʔ – Israk, muʔmin – mukmin, riya:ʔ – riak dan wabaʔ – wabak.

Huruf ba:ʔ pula dijelmakan dengan /b/ (ba:b) dan /p/ (rapat – rabat}a). Beliau juga mengatakan bahawa huruf ba:ʔ dibunyikan sebagai /t/ di dalam perkataan Melayu “kisit” yang berasal daripada perkataan kidhib.

Huruf tha:ʔ atau simbol fonetiknya /θ/ ditulis di dalam bahasa Melayu sebagai /d/ di dalam perkataan dobi (thawb), /s/ di dalam perkataan bahas (bahaθ), hadas (hadaθ), salju (θalj), selasa (θula:θa:u), waris (waritθ) dan misal (miθal). /Th/ juga ditulis dengan gabungan fonem /th/ di dalam perkataan tamthil.

Fonem ji:m ditransformasi menjadi /g/ di dalam perkataan ingil dan juga /j/ yang merupakan kontras kepada bunyi ji:m yang asli di dalam perkataan istinjak.

Fonem h}a kadang kala dihapuskan seperti di dalam perkataan amuk yang pada asalnya menurut Daud Saloum ialah ah}maq, kepada huruf /h/ di dalam perkataan nahu (nah}w), haid (h}aid}).

Huruf kha:ʔ pula ditukar kepada /h/ seperti di dalam perkataan sahsiah (ʃaʃs}iyyat), /kh/ di dalam perkataan khianat (khiya:nat), akhbar (akhba:r), khatam (khatam) dan khilaf (khila:f). Ada kalanya fonem kha:ʔ itu hanya ditulis sebagai /k/ sahaja seperti di dalam perkataan katam (khatam), katib (khati:b). Terdapat juga di mana huruf kha:ʔ ditukar menjadi huruf /s/ apabila dipinjamkan seperti perkataan silap (khila:f).

Fonem dha:l yang dirumuskan secara fonetik sebagai /ð/ ditulis sebagai /d/ di dalam perkataan nakhoda (nawχuðat) dan juga /z/ di dalam perkataan seperti azab (ʿaða:b).

Fonem si:n mempunyai kontrasnya di dalam bahasa Melayu. Justeru tidaklah sukar untuk menukar huruf si:n ke dalam bahasa Melayu. Fonem si:n ini hanya mempunyai satu sebutan sahaja iaitu /s/. Perkataan-perkataan seperti sabil, insan dan sihir adalah perkataan-perkataan Arab bagi sabi:l, insa:n dan juga sih}r.

Fonem syi:n mempunyai kepelbagaian bentuk apabila dipinjamkan ke bahasa Melayu. Perkataan baksis adalah peminjaman bagi perkataan Arab bakhshisy. Huruf /s/ digunakan untuk menggantikan huruf syi:n. Syi:n juga ditulis dengan /sh/ atau /sy/ seperti shahadah, asyik dan syirik.

Sa:d ditulis dengan /c/ di dalam perkataan cek. Sa:d juga ditulis dengan /s/ di dalam perkataan insaf (ins}a:f), mahsul (mahs}u:l) dan sifar (s}ifr).

Bagi fonem d}a:d pula ditulis sebagai /d/, /dz/, /dh/, /l/ dan /z/. Perkataan-perkataan seperti haid (h}aid}) /d/, ridzwan atau ridhuan (rid}wa:n) /dz/ dan /dh/ , rela (rid}a) (l) dan juga razi (ra:d}i) /z/ merupakan perkataan-perkataan Arab yang telah diserapkan ke dalam bahasa Melayu.

Huruf t}a ditulis sebagai /t/ sahaja. Perkataan seperti nutfah (nut}fah), tabiat (t}abi: °at) dan taufan (t}awfa:n) ditulis dengan huruf /t/ sahaja.

Fonem z}a:ʔ mempunyai banyak variasi. Variasi-variasi z} di dalam bahasa Melayu adalah /l/ seperti lahir (z}a:hir), /s/ di dalam perkataan mahfus (mah}fu:z}) dan /z/ di dalam perkataan zahir (z}a:hir).

Huruf °ain pula digantikan dengan huruf /a/ seperti di dalam perkataan abid (°a:bid), /i/ di dalam perkataan fiil (fe°l), /k/ di dalam perkataan dakyah (di°a:yah), takjub (ta°ajjub), dakwah (da°wah) dan juga /u/ seperti perkataan ulama (°ulama:ʔ).

Manakala fonem ghayn /gh/ yang dirumuskan dengan /ɣ/ ditulis dengan /g/ seperti gas (gha:z), /gh/ seperti ghaib (ghayb), ghairah (ghi:rah) dan juga /r/ di dalam perkataan ralat (ghalat}).

Menggantikan huruf fa:ʔ dengan /p/ adalah sesuatu yang pelik bagi orang-orang Arab kerana tempat artikulasi bagi /p/ ialah di bibir manakala tempat artikulasi bagi huruf fa:ʔ ialah gabungan di antara bibir bawah dan gigi atas. Kata Dawu:d

Salu:m: Saya tidak pasti adakah ini merupakan dialek Melayu ataupun kerana penggunaan huruf-huruf Latin di dalam penulisan bahasa Melayu (Dawu:d Salu:m, 2000). Perkataan seperti pasal (fas}l), kapan (kafn), kapir (ka:fir), silap (khi:laf), paham (fahm), petua (fatwa) adalah contoh-contoh di mana huruf fa:ʔ ditulis sebagai /p/. Huruf fa:ʔ juga ditulis dengan kontras asalnya di mana semua huruf /f/ di dalam bahasa Melayu adalah perkataan pinjaman sama ada dari bahasa Arab atau bahasa Inggeris seperti fadil (fa:d}il), fakir (faqi:r) dan falsafah yang dipinjam daripada bahasa Arab dan forum, fesyen, dan faktor daripada bahasa Inggeris.

Fonem qa:f pula diberi simbol /g/ di dalam bahasa Melayu misalnya gamis (qami:s}) dan juga /k/ di dalam perkataan fakih (faqe:h), mutlak (mut}laq) dan juga noktah (nuqt}ah).

Fonem mi:m sering terpengaruh dengan perubahan bunyi seperti mana yang terdapat di dalam ilmu Tajwid. Perkataan mungkin misalnya disebut “mungkin” iaitu perubahan bunyi dari mim kepada /ng/ /ŋ/ .

Fonem nu:n pula berubah menjadi /m/ di dalam perkataan mimbar yang pada asalnya ialah minbar. Fonem nu:n berbaris mati bertemu dengan ba:ʔ adalah hukum iqlab di mana bunyi /n/ itu ditukarkan menjadi /m/. Justeru di dalam bahasa Melayu perkataan itu dieja selepas berlakunya proses pertukaran bunyi. Perkataan engkar pula

menyaksikan fonem nu:n ditulis dengan /ng/ /ŋ/ yang mana asalnya di dalam bahasa Arab adalah inka:r.

Kadang-kadang fonem h}a mengalami proses *omission* iaitu pengabaian atau penghapusan apabila dipinjamkan ke bahasa Melayu di mana huruf ha itu tidak dibunyikan seperti di dalam bahasa Sepanyol di mana h adalah huruf yang tidak berbunyi. Perkataan seperti eja adalah berasal daripada bahasa Arab hija:?. Di dalam bahasa Melayu terdapat juga perkataan di mana dengan atau tanpa /h/, kedua-dua perkataan tersebut adalah sama maksudnya misalnya perkataan urai dan hurai (Kamus Bahasa Malaysia, 1984). Selain daripada pengabaian, huruf h}a dituliskan dengan /h/ seperti di dalam perkataan nahi (nahiy), halal (hala:l) dan hala (ha:lah).

3.10 Penutup

Daripada bukti-bukti di atas, penyelidik mendapati bahawa sesuatu fonem tidak hanya mempunyai satu bunyi, bahkan sesuatu huruf itu mempunyai beberapa jenis bunyi yang apabila ditukarkan kepada bahasa lain akan berubah bunyi dan simbolnya. Menurut al-Jahiz}, kepelbagaian bunyi ini adalah disebabkan oleh pertuturan orang bukan Arab yang bercakap bahasa Arab seperti yang berlaku kepada Suhayb bin Sina:n dan juga Abu Muslim al-Khurasani. Kepelbagaian ini juga adalah

disebabkan oleh kegagalan seseorang menutur sesuatu fonem seperti mana yang berlaku kepada Wa:s}il bin °At}a:?. Kegagalan sebutan boleh terjadi kepada seseorang yang tidak lengkap anggota pertuturannya seperti mana yang berlaku kepada Hisyam al-Qahzamiyy, Abu Sufian bin al-`Ala' bin Lubayd al-Taghlabiyy. al-Ja:hiz} juga telah menyebutkan organ-organ sebutan. Beliau telah menyebut bibir, gigi dan lidah yang merupakan organ-organ utama pertuturan. Kegagalan sebutan adalah disebabkan oleh kerosakan gigi dan juga kegagalan lidah untuk berfungsi dengan baik untuk menyebut sesuatu huruf. Menurut beliau lidahlah yang berfungsi menyentuh tempat-tempat tertentu ketika membunyikan sesuatu huruf.

BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Kajian-kajian sebelum ini kebanyakan tertumpu kepada pembelajaran bahasa Arab di sekolah menengah. Kajian-kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahman Mohd Hassan (1999), Mohd Nassir Abdullah (2001) dan Issraq (2004) mengambil sampel daripada murid-murid sekolah menengah.